

# UPM siasat pensyarah salah guna kuasa

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menubuhkan satu jawatankuasa siasatan bagi menyiasat laporan polis dibuat 15 penuntutnya berhubung tindakan seorang pensyarah yang didakwa menyalahgunakan kuasa untuk tujuan politik.

Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata jawatankuasa itu dianggotai tiga profesor, seorang penasihat undang-undang dan pejabat pendaftar selaku sekretariat.

Katanya, siasatan berhubung dakwaan pensyarah berusia dalam lingkungan 50-an yang dikatakan mengugut akan menggagalkan penuntutnya jika mereka enggan berkempen untuk pakatan pembangkang.

"Tujuan penubuhan jawatankuasa ini ialah untuk melihat sama ada wujud prima facie untuk tindakan susulan," katanya.

Katanya, selaras Akta Universiti dan Kolej Universiti, pindaan 2012, (AUKU), semua universiti perlu berkecuali.